

Headline **Insurans perjalanan banyak manfaat**
 Date **03 Nov 2009**
 MediaTitle **Berita Harian**
 Section **Ekonomi**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
 Page No **24,25**
 Article Size **724 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **15,358**
 PRValue **46,073**



URUS WANG ANDA

Oleh Fadi Ayob
 adlayob@berita.com.my

Insurans perjalanan banyak manfaat

Pembeli polisi dilindungi jika berlaku perkara tidak diingini di luar negara

PASPORT, tiket penerbangan pergi-balik, pakaian dan kelengkapan diri selalunya menjadi perkara utama dalam senarai semak barang kepunyaan yang mesti ada setiap kali kita ingin ke luar negara.

Namun ramai daripada kita yang tidak menyedari bahawa selain daripada semua perkara di atas, insurans perjalanan perlu menjadi perkara yang wajib ada dalam senarai semak itu.

Bayangkan jika tiba-tiba anda jatuh sakit di negara asing dan perlu dimasukkan ke hospital, wang perbelanjaan pula hanya cukup-cukup, apa yang harus anda lakukan?

Kita perlu ingat bahawa kos rawatan di kebanyakan negara asing adalah jauh lebih mahal jika dibandingkan dengan Malaysia.

Namun sekiranya, anda membeli insurans perjalanan, anda tidak perlu bimbang dengan kos rawatan yang tinggi itu kerana kos rawatan itu akan diliputi oleh polisi insurans perjalanan dibeli sebelum berangkat.

Selain itu, polisi insurans ini turut meliputi perlindungan terhadap kemalangan, kerjetan dan gangguan semasa perjalanan yang ber-

laku sepanjang tempoh perjalanan yang ditentukan oleh anda sendiri ketika membeli, selalunya sehingga tarikh kembali ke tanah air.

Bagaimanapun, terdapat sesetengah syarikat insurans yang mungkin menawarkan kombinasi beberapa perlindungan untuk memenuhi

keperluan tertentu pelanggannya, termasuk polisi tahunan jangka panjang jika anda sering membuat perjalanan.

Memandangkan skop perlindungan yang disediakan di bawah polisi insurans perjalanan ini berbeza-beza daripada satu syarikat insu-

rans dengan yang lain, buat pemilihan terlebih dulu bagi memastikan anda membeli polisi terbaik yang dapat memenuhi keperluan anda.

Skop perlindungan yang biasanya disediakan di bawah insurans perjalanan adalah untuk kemalangan diri, belanja perubatan dan

yang berkaitan, kehilangan deposit pakej perjalanan atau pemendakan pemerjian, kehilangan bagasi, kehilangan barangan peribadi dan wang, kehilangan pasport, liabiliti diri, kelewatan bagasi, kelewatan perjalanan, pampasan kenderaan dan penghantaran pulang

jenazah. Anda boleh mengambil polisi perjalanan ini untuk diri sendiri atau termasuk ahli keluarga.

Jumlah pampasan yang boleh dibayar pula adalah berdasarkan kerugian yang ditetapkan bagi setiap ahli keluarga dan jumlah keseluruhannya tidak boleh melebihi jumlah nilai insuranskan.

Namun begitu, sekiranya anda melebihi had umur tertentu, anda mungkin tidak dapat membeli insurans perjalanan ini.

Di sebalik semua manfaat yang diberikan itu polisi ini tidak meliputi kerugian yang disebabkan kejadian tertentu seperti risiko peperangan, kes membunuh diri dan tidak siaman, AIDS, pembunuhan atau serangan yang dirangsang, melahirkan anak atau kezuuran dan ditimpa kemalangan kerana melakukan aktiviti sukan yang berbahaya.

Selain itu, terdapat juga pengecualian yang membolehkan peristiwa seperti kelewatan bagasi dan kehilangan bagasi serta barangan peribadi yang disebabkan oleh rampasan dan pemus-

nahan di bawah peraturan kuarantin dan kastam.

Berikutan itu, anda dinasihatkan supaya sentiasa membaca dengan teliti dan memahami bentuk pengecualian yang tidak diliputi oleh polisi ini.

Anda juga dinasihatkan supaya menyemak dengan syarikat insurans apakah jenis barangan kepunyaan peribadi yang boleh dilindungi di bawah insurans perjalanan kerana perlindungan yang diberikan adalah berbeza di kalangan syarikat insurans.

Selain itu, anda adalah dinasihatkan supaya melantik benefisari dan pastikan benefisari anda itu mengetahui mengenai polisi insurans perjalanan yang anda beli.

Sekiranya anda telah membeli khalid daripada satu polisi perjalanan dan kemudian anda meninggal dunia atau hilang upaya, anda atau benefisari anda, mengikat mana yang berkenaan, akan dibayar pampasan di bawah setiap polisi.

Bagaimanapun, bagi kerugian tertentu seperti belanja perubatan yang pampasannya adalah ber-



POLISI insurans perjalanan mempunyai tempoh waktu liputan perlindungan yang terhad biasanya sepanjang tempoh berada di luar negara.

INSURANS perjalanan sedikit sebanyak dapat memberikan ketenangan fikiran sekiranya berlaku perkara luar jangkaan ketika di luar negara.

dasarkan pembayaran gantian, anda akan dibayar pampasan sekali saja bagi kerugian sebenar yang dialami. Tidak kurang pentingnya, pastikan syarikat insurans anda mempunyai rangkaian atau cawangan di peringkat global yang boleh memberikan bantuan yang sewajarnya apabila diperlukan.